



Perayaan Besar Menyambut Hari Peringatan Pemberontakan


Pada 27 Mei 1960 pemberontakan tentera berlaku di Turki untuk merobohkan kekuasaan Kerajaan Turki di bawah President Celal Bayar dan di bawah Perdana Menteri Menderes yang dipandang oleh umat Turki merugikan perjuangan seluruh umat Turki. Perdana Menteri Menderes dihukum bunuh dan President Celal Bayar dihukum penjara seumur hidup. Beliau masih ada di dalam penjara hingga sekarang mengidap sakit. Yang menjadi President Negara sekarang ialah Jeneral Cemal Gursel. Gambar-gambar ini adalah diambil di Istanbul, di lapangan TaKsim pada 27 Mei 1966 yang lalu.



Pasukan pancaragam Marin, memakai baju merah - berseluar hitam.



Kawalan-kawalan di tengah-tengah lapangan Taksim di pusat bahagian baharu di Turki.



Angkatan Darat sedang berbaris di bawah panji-panjinya




Angkatan Laut Tu

1960 di Turki, di Istanbul pada 27 Mei 1966




Kepala Barisan- memakai pakaian-pakaian lama dengan pancaragamnya diketuai oleh Imam Yusuf.



Barisan-barisan sedang mulai bergerak.



urki yang berjalan.



Sebahagian Tentera Darat sedang berbaris

(Sambungan dari muka 21)
orang murid-murid perempuan.

Guru yang mengajar sebanyak 4215 termasuk 1,974 orang guru perempuan 74% daripada guru-guru itu dari orang-orang Kuwait sendiri, dan 26 peratus daripada guru-guru asing yang diminta mengajar di sana.

Ada 840 orang penuntut yang menuntut di dalam beberapa bahagian: undang-undang, perniagaan, sains, perubatan dan engineer di luar negeri. Semuanya dibantu oleh kerajaan.

Tiap-tiap murid sekolah diberi makanan di sekolah masing-masing dengan percuma dari sekolah rendahnya hingga membawa ke universitinya.

Rumah sakit-rumah sakit Kuwait mempunyai alat-alat baharu yang modern. Sekarang bagi tiap-tiap 700 penduduk ada mempunyai seorang doktor. Di Kuwait ada sepuluh buah rumah sakit dengan

mempunyai 3,000 buah katil, Kuwait mempunyai 37 buah klinik, 49 dispensary (rumah ubat) 128 rumah ubat sekolah, 4 buah pusat kesihatan, 24 buah klinik gigi dan dua buah sanatorium penyakit batuk kering.

Jaminan keselamatan penduduk diberi dengan seluas-luasnya. Buruh tua yang tidak boleh berusaha diberi bantuan dan orang-orang miskin diberi pertolongan. Kerajaan juga memberi pinjaman wang kerana membina perniagaan dan membuat perusahaan. Bantuan kebajikan diberikan juga terutamanya kepada orang-orang Kuwait dan banyak juga orang-orang yang bukan orang Kuwait diberi pertolongan.

Sejarahnya:


Daripada barang-barang lama yang diperolehi di Pulau Palaka menunjukkan bahawa Kuwait adalah menjadi pusat

perniagaan pada kurun yang ketiga sebelum Nabi Isa.

Dalam kurun yang ke-18 kumpulan dari kabilah Munizah telah berpindah dari daratan Tanah Arab ke Pantai Teluk Arab- dan daripada puak inilah permulaan penaja negara Kuwait yang ada sekarang. Keluarga-keluarga yang berpindah ini terdiri daripada keluarga al-Şabah, al-Khalifah, al-Zayd, al-Jalahamah dan al-Mu'awadah. Banyak daripada keturunan orang-orang Kuwait sekarang berasal daripada keturunan-keturunan ini.

Pada tahun 1765 mereka telah melantik ketua mereka sebagai amir yang pertama dan lantikan itu terletak kepada al-Sabah yang pertama.

Kuwait mulai terang bintangnya apabila berlaku peperangan di antara Iran dengan Turki (1776-79). Di dalam peperangan itu Iran menawan Bandar Basrah kerana itu Basrah yang dahulunya jadi pusat perhubungan di sana telah



Kapal minyak setiap hari singgah di sini berpuluh-puluh buah kerana mengisi minyak dari Kuwait. Pemandangan sebuah kapal sedang mengisi minyak di Pelabuhan Kuwait.

tidak dapat digunakan dan kerana itu pusat perniagaan itu telah berpindah dari Basrah ke Kuwait. Ahli-ahli perniagaan East India Company telah memindahkan gudang-gudangnya ke Kuwait. Dengan menjadikan Kuwait dengan sendirinya jadi bandar yang utama.

Kerajaan British mengakui kuasa British di daerah itu dan sebagai balasannya ia mendapat kebebasan menjalankan perniagaannya ke India menerusi Kuwait. Al-Shaykh Kuwait, Abdullah al-Sabah telah mengaku taat kepada Turki dan menerima lantikan sebagai wakil (qa'imaqam??) di bawah gabenor Turki di Basrah.

Penggantinya, al-Shaykh Mubarak Al-Sabah, takutkan Turki menduduki Kuwait lalu membuat sebuah perjanjian dengan Kerajaan British tahun 1899 meletakkan dirinya di bawah kawalan British (Protectorat). Di dalam perjanjian itu, al-Shaykh Kuwait tidak boleh menyerahkan pegawai dan seumpamanya semuanya atau sebahagian kepada sesiapa jua pun selain daripada British dan tidak boleh membuat hubungan dengan kerajaan-kerajaan lain melainkan dengan kebenaran British.

Di dalam masa pemerintahan al-Shaykh Mubarak dari tahun 1896 membawa kepada tahun 1915 adalah melangkah menuju kepada berkerajaan sendiri. Pada tahun 1904 British melantik wakil siyasahnya di Kuwait. Tahun 1909 mengadakan rundingan di antara Turki dengan British untuk memberi kuasa berpemerintahan sendiri kepada Kuwait.

Pada tahun 1971 al-Shaykh Salam al-Sabah menggantikan al-Shaykh Mubarak dan telah menyokong Turki di dalam perang dunia yang pertama yang menyebabkan kepungan



Pemandangan sebuah masjid indah daripada berpuluh-puluh masjid di bandar Kuwait.

* * *

British ke atas Kuwait. Pada tahun 1921, al-Shaykh Salim digantikan oleh al-Shaykh Ahmad al-Jabar al-Sabah sebagai amir. Ia seorang sahabat British. Pada tahun 1934 al-Shaykh Ahmad telah membenarkan memajak bersama kepada syarikat Amerika dan syarikat British menubuhkan syarikat minyak Kuwait.

Usaha-usaha mengorek tempat-tempat minyak telah dimulai pada tahun 1936 dan sebelum mendapat hasil yang diharap, Perang Dunia Kedua berbangkit. Sesudah Perang Dunia Yang Kedua, pekerjaan mengorek disambung semula dan di dalam beberapa tahun kemudian keadaan Kuwait sebagai bandar lama berubah sebagai bandar baharu disokong oleh hasil-hasil minyaknya.

Al-Shaykh Ahmad al-Jabir Pembina yang

akhir meninggal dunia pada bulan Februari tahun 1950 tempatnya digantikan oleh al-Shaykh Abdullah al-Salam al-Sabah dan telah meninggal dunia pada tahun 1965 dan digantikan oleh amirnya yang ada sekarang al-Shaykh Sabah al-Salim al-Sabah sebagai amir yang kelapan bagi Kuwait.

Daripada al-Shaykh Abdullah hingga kepada Amir yang ada sekarang mendasarkan usaha-usahanya untuk kebajikan rakyat dan baru-baru ini, untuk masalah bersama al-Amir Sabah telah melawat negara-negara kecil di Teluk Parsi untuk bertemu dan memikirkan perihal kebaikan mereka bersama. Selain itu, baginda telah mengemukakan diri sebagai orang tengah di dalam pertelingkahan di antara Republik Arab Bersatu dengan kerajaan Sa'udiyah 'Arabiyyah.